

**PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH BANGSAR PUDU  
KUALA LUMPUR**

**SKEMA JAWAPAN**

**SOALAN PERCUBAAN SPM 2023**

**BAHASA MELAYU (KERTAS DUA)**

**KOD MATA PELAJARAN: 1103/2**

**BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA**  
[ 35 markah]

**1. Kata Adjektif perasaan**

- (i) benci – tidak suka
- (ii) marah – panas hati/ berang
- (iii) sayang – mengasihi/ mencintai/ kasihan/ kasih/ cinta
- (iv) tenang – tidak berkocak/ tidak berombak/ tidak gelisah
- (v) takut – gentar/ berasa segan dan hormat/ berasa bimbang/ tidak sanggup menghadapi sesuatu perkara

**2. Ayat Tanya**

- (i) Apakah keistimewaan industri maya dan e-dagang?
- (ii) Bagaimanakah industri maya menjalankan transaksi perniagaan?
- (iii) Siapakah yang dibayar royalti untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan mereka?

**3. Soalan Penyuntingan**

**Bahan 1**

<b>Salah</b>	<b>Betul</b>	<b>Jenis Kesalahan</b>
siapa	sesiapa / siapa-siapa	tatabahasa
kebanyakkan	kebanyakyan	imbuhan
sifar kalori	kalori sifar	tatabahasa
pengawit	pengawet	ejaan
merendahkan	menurunkan	istilah
bergantungan	bergantung	imbuhan
semulajadi.	semula jadi	ejaan

**Bahan 2**

<b>Salah</b>	<b>Betul</b>	<b>Jenis Kesalahan</b>
mee	mi	ejaan
sayur sayuran	sayur-sayuran	tatabahasa
sehat	sihat	ejaan
ialah	adalah	tatabahasa
takat	tahap	istilah
protin	protein	ejaan

#### **4. Bahasa Melayu Standard**

##### **Panduan Pemarkahan Soalan Bahasa Melayu Standard**

Soalan 4 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
• Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	4
• Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat masih gramatis	3
• Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat kurang gramatis	3
• Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis	2
• Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat masih gramatis	1
• Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat kurang gramatis	1
• Ayat disalin bulat-bulat	0
• Isi tidak mengikut urutan	0

##### **Jawapan**

Laksamana membahagi tiga harta itu, diambil oleh Laksamana harta itu sebahagian, kemudian harta itu dibahagi oleh Laksamana kepada tiga bahagian lagi. Satu bahagian didermakan kepada fakir miskin, satu bahagian diberikan kepada semua pegawai yang tidak mempunyai kuasa dan satu bahagian lagi diberikan kepada semua orang Laksamana. Segala harta itu telah habis dan tidak ada satupun diambil oleh Laksamana.

#### **5. Peribahasa**

- (i) Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh – Masyarakat majmuk di negara kita hendaklah bersatu padu kerana bersatu kita teguh, bercerai kita roboh.
- (ii) Bagai enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing – Hubungan antara jiran semakin renggang kerana masing-masing mementingkan diri sendiri bagai enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing
- (iii) Bagai isi dengan kuku – Hubungan Aminah dan Sarah sangat rapat bagai isi dengan kuku kerana mereka membesar bersama-sama sejak kecil.

**BAHAGIAN B: PEMAHAMAN**  
**[35 markah]**

**Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman**

**1. Soalan 2 markah:**

DESKRIPSI	MARKAH
• Jawapan tepat mengikut konteks dan ayat gramatis	2
• Jawapan tepat mengikut konteks tetapi ayat kurang gramatis	1
• Jawapan tidak tepat / salah	0

**2. Soalan 3 markah:**

DESKRIPSI	MARKAH
• Isi cukup dan lengkap / relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
• Isi cukup dan lengkap / relevan tetapi ayat kurang gramatis	2
• Isi tidak cukup / kurang lengkap tetapi ayat gramatis	1
• Isi tidak cukup / kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	0

**3. Soalan 4 markah:**

DESKRIPSI	MARKAH
• Isi cukup dan lengkap / relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
• Isi cukup dan lengkap / relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
• Isi tidak cukup / kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
• Isi tidak cukup / kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
• Isi tidak betul / tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

**6. Pemahaman Petikan Umum**

- (i) Khasiat tersendiri bermaksud zat/faedah/keistimewaan/manfaat masing-masing/khusus
- (ii) Khasiat buah mengkudu

**Bahan 1:**

P1 merawat kanser kolorektal (CRC) dan melumpuhkan fungsi gen-gen termutasi dalam barah tersebut

**Bahan 2:**

- P1 membantu dalam proses penyembuhan luka
- P2 membantu menurunkan gula dalam darah

(iii) Usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk menggalakkan penggunaan herba sebagai perubatan alternatif :

- P1 Penyelidikan dan Pembangunan (RnD) berterusan oleh kerajaan
- P2 Mengusahakan tanah terbiar untuk penanaman herba.
- P3 Memberikan bantuan / dana / subsidi kepada pengusaha
- P4 Pengiktirafan oleh Kementerian Kesihatan untuk memberi keyakinan kepada masyarakat.
- P5 Pembungkusan yang selamat / menarik
- P6 Membantu dalam pemasaran produk

(iv) P1 Menasihati Farah supaya menyemak sama ada produk tersebut telah mendapat kelulusan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia atau tidak.

- P2 Menyuruh Farah mengutarakan soalan kepada penjual / tanyakan tentang dos yang selamat / kesesuaian ubat mengikut peringkat umur/ cara simpanan / tarikh luput / kesan sampingan.
- P3 Mencadangkan Farah supaya merujuk kepada ahli farmasi / doktor untuk bertanya mengenai produk tersebut.

P4 Merujuk testimoni yang telah menggunakan produk tersebut.

**7. Pemahaman Petikan Sastera**

(i) Berdasarkan bahan 2, keadaan rakyat selepas merdeka:

**Jawapan:**

- P1 rakyat tidak lagi sengsara
- P2 menangis gembira

(ii) Persediaan untuk mengisi kemerdekaan:

**Jawapan:****Bahan 1**

- P1 perjuangan bukan setakat mendesak Inggeris berundur.
- P2 kita juga perlu mendesak diri sendiri, mengikis semua tabiat buruk bangsa kita.

P3 kita perlu berjuang mengubah sikap dan pandangan sempit bangsa kita

**Bahan 2**

P1 berkorban jiwa pertahan negara

P2 tanah air ditadbir insan bestari

*(sekurang-kurangnya 1 isi daripada setiap bahan)*

- (iii) Cara yang boleh dilakukan oleh ibu bapa untuk menerapkan semangat patriotik dalam diri anak-anak:

**Jawapan:**

P1 menceritakan sejarah perjuangan tokoh/pahlawan negara

P2 membawa anak-anak melawat tempat bersejarah / monumen

P3 menggalakkan anak-anak menyertai pertandingan berunsur patriotik

P4 meraikan hari kemerdekaan negara

P5 menemani anak-anak menonton filem / drama bertemakan patriotik

P6 menjadi suri teladan kepada anak-anak / contoh semangat patriotik

*(pilih 3 isi sahaja)*

- (iv) Tindakan yang wajar dilakukan oleh Cikgu Sarah untuk menggalakkan murid-murid menyertai aktiviti tersebut:

**Jawapan:**

P1 menyediakan hadiah / ganjaran yang menarik

P2 memberikan merit / ssdm

P3 memujuk / menerangkan kepentingan sambutan bulan kemerdekaan

P4 mendapatkan sokongan daripada ibu bapa

P5 menjemput pempengaruh / artis terkenal / tokoh sebagai tarikan aktiviti.

*(pilih 3 isi sahaja)*

- 8(i) Perkara-perkara yang dikenang oleh Zahid dalam lamanannya,

P1 Zahid terkenang akan kehidupannya semasa berada di luar negara.

P2 Kehidupan lampau penuh pesona.

P3 Dia teringat akan Flora Steven, gadis lincah seindah dan sesinonim bunga mekar yang didampinginya semasa di kampus. Yuen yang ramah yang ditemuinya di China Town serta Lakshemi dan Nor yang sering keluar bersama-sama semasa duduk di pangaspuri yang sama.

P4 Mengimbau komentar rakan sebilik tentang gaya afsunnya yang boleh mencairkan hati gadis.

**Isi Cukup 3 isi = 4 markah**

8(ii) Novel

**Leftenan Adnan**

**PERISTIWA:** Adnan tabah menghadapi cabaran dalam menuntut ilmu kerana tidak pandai berbahasa Inggeris. Akhirnya Adnan berjaya dalam peperiksaan dan turut memenangi pertandingan Pidato Bahasa Inggeris. Sebelum itu dia pernah diejek oleh rakan-rakannya.

**HURAIAN:** Peristiwa ini menunjukkan ketabahan dalam menghadapi dugaan demi mencapai kejayaan dalam sesuatu.

**PERISTIWA:** Pak Saidi tabah menghadapi cemuhan penduduk kampung apabila dia menghantar Adnan ke sekolah Inggeris. Dia berpandangan sekolah Inggeris dapat memberikan ilmu yang banyak demi masa depan anaknya.

**HURAIAN:** Peristiwa ini menunjukkan ketabahan seorang bapa apabila sanggup berdepan dengan cabaran demi kebaikan masa depan anak.

**PERISTIWA:** Adnan tabah dalam mempertahankan Bukit Candu daripada serangan tentera Jepun. Walaupun kehabisan peluru dia tidak berundur sehingga akhirnya dia ditangkap dan diseksa hingga mati.

**HURAIAN:** Peristiwa ini menunjukkan ketabahan dalam mempertahankan tanah air.

**Tirani**

**PERISTIWA:** Waheeda tabah membesarakan anaknya, Izzati selepas diceraikan oleh Zahid. Izzati menjadi seorang anak yang cerdik dan berbudi bahasa.

**HURAIAN:** Peristiwa ini menunjukkan ketabahan dalam berdepan dengan keruntuhan rumah tangga.

**PERISTIWA:** Waheeda tabah dalam memperlebar sayap perniagaan apabila dia sanggup mengambil alih Chalet Iwana Iwani yang sudah bankrap. Berkat usahanya Chalet Aya Sajinah, nama baharu bagi chalet tersebut terus berkembang maju sehingga berjaya menarik kedatangan pelancong asing.

**HURAIAN:** Peristiwa ini menunjukkan ketabahan dalam meneruskan kelangsungan hidup.

**PERISTIWA:** Waheeda tabah mempertahankan rumah tangganya apabila dia melakukan ujian DNA bagi membuktikan Izati ialah anak Zahid. Hal ini adalah kerana Zahid telah menuduh Waheeda curang.

**HURAIAN:** Peristiwa ini menunjukkan ketabahan dalam menjalani kehidupan berumah tangga yang penuh dengan dugaan.

**PERISTIWA:** Waheeda tabah menghadapi ejekan rakan-rakan ketika zaman persekolahannya kerana wajahnya yang kurang menarik. Dia bersabar setelah dinasihati oleh Ustazah Ruqaiyah, ibunya dan sahabat baiknya Nasuha.

**HURAIAN:** Peristiwa ini menunjukkan ketabahan dalam menerima kekurangan diri.

### **BAHAGIAN C: RUMUSAN**

[30 markah]

#### **Pendahuluan**

- P1- Rumusan/ bahan membincangkan kesan negatif/ kesan buruk/keburukan penggunaan media sosial tanpa had, punca ketagihan Internet dan tanda-tanda awal ketagihan Internet . [2m]
- P2- Rumusan/ bahan membincangkan keburukan/ kekurangan penggunaan media sosial tanpa had, punca ketagihan Internet dan tanda-tanda awal ketagihan Internet [2m]
- P3- Rumusan/ bahan membincangkan kesan negatif/ kesan buruk/ keburukan penggunaan media sosial tanpa had, dan punca ketagihan Internet [1m]
- P4- Rumusan/ bahan membincangkan kesan negatif/ kesan buruk/ keburukan penggunaan media sosial tanpa had, dan tanda-tanda awal ketagihan Internet . [1m]
- P5- Rumusan/ bahan membincangkan punca ketagihan Internet dan tanda-tanda awal ketagihan Internet . [1m]
- P6-Rumusan membincangkan keburukan / kesan negatif , punca dan ciri-ciri ketagihan Internet [0m]
- P7- Rumusan/ bahan membincangkan kesan negatif/ kesan buruk/ keburukan penggunaan media sosial tanpa had, punca-punca dan tanda-tandanya [0m]
- P8- Rumusan/ bahan membincangkan kesan negatif/ kesan buruk / keburukan penggunaan media sosial tanpa had dan punca-puncanya [0m]

## **Isi Penting**

### **Fokus 1- Kesan negatif / kesan buruk/ keburukan penggunaan media sosial tanpa had**

#### **Bahan 1**

A1- Individu yang menggunakan media sosial tanpa had akan mengalami kemurungan

A2- Penggunaan media sosial tanpa had boleh merisikokan kejadian bunuh diri.

A3- golongan muda hilang kemahiran bersosial

#### **Bahan 2**

B1- akan menjaskan tumpuan pelajaran

### **Fokus 2- punca ketagihan media sosial**

#### **Bahan 1**

C1-kanak-kanak seawal 12 tahun di negara ini rata-rata telah pun memiliki telefon pintar.

C2-berlakunya kemajuan teknologi telefon pintar dengan pelbagai aplikasi baharu

#### **Bahan 2**

D1- Seseorang itu tidak mendapat perhatian keluarga

D2- Pengaruh rakan sebaya

D3-tekanan realiti hidup

### **Fokus 3 -tanda-tanda awal ketagihan media sosial**

#### **Bahan 1**

E1- seseorang itu mementingkan penggunaan media sosial berbanding keperluan sehari-hari yang lain

E2- mereka juga akan berasa gelisah, murung dan tidak tenang apabila tidak berpeluang untuk melihat telefon bimbit.

**Kesimpulan;**

K1- Kesimpulannya **penggunaan media sosial** perlu digunakan secara bijaksana/ berhemah/**agar** mendatangkan manfaat/ tidak menjelaskan kesihatan / mengekalkan kesihatan mental. [2m]

K2 - Kesimpulannya **media sosial** perlu **digunakan** secara bijaksana/ berhemah/ **agar** mendatangkan manfaat/ tidak menjelaskan kesihatan / mengekalkan kesihatan mental. [2m]

K3- Kesimpulannya penggunaan **media sosial** perlu **digunakan** secara bijaksana/ berhemah [1m]

K4- Kesimpulannya **media sosial** perlu **digunakan** secara bijaksana/ berhemah **oleh semua pihak** **agar** mendatangkan manfaat/ tidak menjelaskan kesihatan / mengekalkan kesihatan mental.

[0m]

K5- Kesimpulannya **semua pihak** perlu menggunakan **media sosial** secara bijaksana/ berhemah/ **agar** mendatangkan manfaat/ tidak menjelaskan kesihatan / mengekalkan kesihatan mental

[0m]